



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1493]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1537]

Penangguhan [Ruangan 1572]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 1538]

Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan) [Ruangan 1558]

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Jalanraya di Pantai Timur [Ruangan 1573]

Cukai Pendapatan kepada Pesara-pesara [Ruangan 1579]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P.,
P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YEONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 24hb Jun, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN-

SKIM RUKUN TETANGGA

1. **Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Perdana Menteri menyatakan pandangan Kerajaan ke atas perjalanan skim RUKUN TETANGGA sekarang dan sama ada Kerajaan bercadang akan mengkaji semula skim itu supaya konsep dan tujuannya benar-benar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bermakna.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sememangnya sedang mengkaji semula Skim Rukun Tetangga ini terutama sekali tentang tugas ronda dalam skim ini. Tugas ronda ini dikaji semula memandangkan bahawa ancaman anasir komunis dan anti-nasional telah dapat dikawal dan dibendung. Sekiranya didapati tugas ronda itu tidak diperlukan lagi maka tugas ronda itu akan ditarik balik tetapi jika tugas ronda itu masih diperlukan ianya tetap akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan-kawasan Rukun Tetangga di mana tugas rondanya akan dimansuhkan Jawatankuasa akan terus digerakkan tetapi di dalam bentuk aktiviti muhibbah dan perhubungan masyarakat di samping memberi kerjasama rapat kepada pasukan keselamatan.

Dr Choo Kooi Fook: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak siapapun akan menafikan bahawa minat dan dedikasi penduduk-penduduk yang menjalankan tugas Rukun Tetangga telah semakin merosot. Ini barangkali kerana pihak berkuasa tidak memberi sedikit sebanyak galakan, seperti melawat dan mengenal mereka dalam sedang menjalankan tugas-tugas mereka dan memberi galakan ataupun memberi keterangan mengapa Rukun Tetangga ini diperlukan.

Jadi, saya ingin tahu dari Menteri berkenaan bolehkah tindakan diambil supaya kakitangan dari Kementerian ini sentiasa melawat mereka apabila mereka menjalankan tugas bagi menerangkan sambil menggalakkan mereka supaya morale mereka sentiasa tinggi. Terima Kasih.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa yang sudah-sudah pegawai-pegawai dari Jabatan ini mengambil inisiatif dan mengambil berat melawat stesen-stesen atau pos-pos Rukun Tetangga. Mungkin ada satu dua tempat yang mana usaha ini atau khidmat ini merosot disebabkan beberapa hal. Tetapi, walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil berat atas soal ini dan kita telahpun membuat arahan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan dapat melawat pos-pos dan bekerjasama dengan orang-orang yang meronda atau berkhidmat pada waktu tugas-tugas mereka dijalankan.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan dua perkara. Yang pertama, apakah sebabnya Rukun Tetangga ini tidak dijalankan untuk semua kawasan? Di dalam negara kita ada kawasan-kawasan yang dijalankan Rukun Tetangga ada yang tidak. Apakah hal

kawasan-kawasan yang tidak dijalankan Rukun Tetangga manakala kawasan-kawasan yang dijalankan Rukun Tetangga itu dari mula Rukun Tetangga dijalankan sampai sekarang sudah berapa tahun? Tetapi kawasan yang tidak dijalankan Rukun Tetangga mereka itu adalah di dalam senang-lenang dengan tidak bersusah payah.

Yang kedua, dalam menjalankan Rukun Tetangga tidak dikecualikan melainkan sebagaimana yang diterangkan, orang-orang yang menjadi askar dan sebagainya. Kenapakah tidak boleh orang-orang, umpamanya, orang-orang yang terhormat, orang-orang yang kaya misalnya mereka ini sentiasa menjadi buruan kepada pengganas-pengganas, kenapalah mereka tidak diberi kebenaran supaya diganti tidak berhajat dia sendiri pergi mengawal. Tetapi kalau dia boleh mengadakan ganti dengan jalan upah dan sebagainya sudah memadai, tidak mesti orang itu sendiri pergi menjalankan kawalan. Apakah fasalnya tidak dibenarkan begitu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama iaitu negeri-negeri atau kawasan-kawasan yang tidak diadakan khidmat Rukun tetangga ialah kerana telah didapati bahawa kawasan-kawasan seperti itu tidak ada ancaman komunis dan lain-lain keganasan. Oleh sebab itu dipandang tidak perlu diadakan khidmat Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan yang seperti itu. Umpamanya, di negeri Kelantan cuma ada dua sahaja Rukun Tetangga ditubuhkan oleh kerana apabila timbul sedikit ancaman anti-nasional dan sebagainya diadakan khidmat Rukun Tetangga di negeri Kelantan.

Tujuan diadakan khidmat Rukun Tetangga ini ialah hendak mewujudkan keselamatan dan memberi kepercayaan kepada rakyat supaya tidak ada sesuatu ancaman-ancaman komunis dan sebagainya berlaku dalam kawasan itu.

Menjawab kepada soalan yang kedua, mengikut undang-undang tidak siapapun dikecualikan menjalankan tugas ronda atau sebagainya dalam Rukun Tetangga ini, tetapi ada didapati bahawa orang-orang kaya ataupun orang-orang yang ada tugas yang banyak tidak dapat menjalankan ronda dan

sebagainya sendiri mereka ganti orang lain menjalankan tugas itu. Ada berlaku di setengah-setengah tempat.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya memandang Skim Rukun Tetangga ini satu langkah Kerajaan yang bijak bagi menolong pasukan keamanan dalam negeri kita ini. Sebab itu saya hendak menyokong sepenuhnya Rukun Tetangga ini dijalankan terus dan ditambah di mana wilayah-wilayah yang kita fikirkan ada berbangkit umpamanya sabversif komunis, perkauman ataupun lain-lain supaya kita menjaga kestabilan, keamanan negara kita ini bersungguh-sungguh. Selain daripada itu, saya suka bertanya semenjak tahun 1980 sehingga 1981 ini berapa buah kawasan sudah ditambah Rukun Tetangga ini, dan kedua sehingga ini ada berapa ramai ahli-ahli Rukun Tetangga di seluruh tanahair kita, khasnya di Semenanjung Malaysia ini?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak Kerajaan sedang membuat kajian sekiranya sesuatu kawasan didapati ancaman itu bertambah atau makin mengancam masyarakat di kawasan seumpamanya itu, pegawai-pegawai ronda atau orang-orang yang terpaksa meronda di kawasan ini ditambah lagi dan sekiranya kawasan-kawasan yang didapati tidak ada lagi ancaman anti-nasional atau ancaman keselamatan, ini akan difikirkan bahawa kawasan seumpamanya ini akan dijadikan satu kawasan yang mana rakyat di situ berkhidmat sebagai memberi sumbangan kebajikan kepada masyarakat itu.

Berhubung dengan berapa banyak pos ditambah dari semenjak tahun 1980 - 1981 dan berapa orang yang terlibat dalam kawasan ini, saya pohon notis.

HOSPITAL TENTERA

2. Puan Rogayah Ariff minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian ini bercadang untuk mendirikan sebuah Hospital Tentera yang khas serta lengkap dengan peralatan moden dan juga

doktor-doktor pakar bagi kemudahan rawatan kepada semua anggota tentera yang mendapat kemalangan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini pihak Angkatan Tentera telahpun mempunyai sebuah Hospital Tentera yang terletak di Kem Terendak Melaka dan dikelolakan sepenuhnya oleh Kor Perubatan dan Pergigian Angkatan Tentera. Hospital ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan moden dan juga mempunyai doktor-doktor pakar sendiri untuk memberi kemudahan perubatan dan rawatan kepada anggota-anggota tentera. Namun begitu, di dalam kes-kes penyakit yang memerlukan doktor-doktor pakar yang tertentu, umpamanya pembedahan jantung dan sebagainya, Hospital ini masih lagi belum mampu untuk mengadakan rawatan seperti itu.

Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi hospital-hospital seperti ini di tempat-tempat lain seperti di Kuala Lumpur, Lumut, Gong Kedak dan juga di Kuching Sarawak. Untuk projek di Kuala Lumpur yang akan bertempat di Kinrara, penubuhan 'nucleus' dijangka bermula di dalam tahun 1982.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu satu hospital telahpun sedia ada di Terendak Kem, Melaka. Di sini saya ingin bertanya adakah hospital itu boleh digunakan oleh orang awam umpamanya, sakit, berlanggar dan sebagainya? Jikalau boleh, adakah syarat-syarat yang ditentukan selain daripada tentera-tentera menggunakannya.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa syarat yang ditentukan kepada mereka yang duduk di sekitar hospital berkenaan untuk menerima rawatan di hospital Angkatan Tentera di Terendak. Jadi pihak awam juga dibenarkan untuk menerima rawatan.

Tuan Loh Kee Peng: Field Ambulance yang kita ada di Kementerian Pertahanan sekarang adakah mencukupi Pegawai Perubatan, terutama sekali doktor pakar bedah dan

kakitangan-kakitangan mereka supaya Field Ambulance yang kita ada sekarang boleh mengatasi dan memberi rawatan yang lebih elok kepada anggota-anggota kita yang ada atau yang mendapat kemalangan dalam 'open warfare'.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Pihak Kementerian Pertahanan sedang berusaha untuk mendapatkan doktor-doktor, terutama sekali pakar-pakar yang berkenaan untuk menganggotai semua hospital-hospital dan juga Field Ambulance yang saya perkatakan tadi. Pada masa ini perkhidmatan yang diberi oleh doktor-doktor yang berkenaan adalah memuaskan tetapi usaha memang sentiasa dijalankan supaya pada satu ketika kelak semua hospital-hospital ini dan juga jika boleh Field Ambulance yang berkenaan mempunyai pakar-pakar yang tertentu.

FELDA/FELCRA—PENYERTAAN RAKYAT INDIA

3. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada penyertaan rakyat keturunan India dalam rancangan-rancangan pembukaan tanah seperti FELDA dan FELCRA akan dipergiat dan perluaskan lagi. Berapa banyakkah rakyat keturunan India yang akan menyertai dalam FELDA dan FELCRA dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Penyertaan rakyat keturunan India di dalam rancangan-rancangan pembukaan tanah oleh agensi-agensi Kerajaan akan dipergiatkan dan diperluaskan lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Berkenaan dengan bilangan peneroka yang akan terlibat tidaklah dapat ditentukan oleh kerana kemasukan peneroka-peneroka ke dalam rancangan-rancangan tanah tertakluk kepada beberapa syarat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan peneroka-peneroka bukan bumiputra termasuklah dari keturunan India ke dalam kawasan

rancangan-rancangan tanah di dalam kawasan Simpanan Hak Melayu tidak boleh dibuat apa-apa dan kebanyakan daripada rancangan-rancangan tanah yang dimajukan oleh FELCRA adalah termasuk di dalam jenis ini. Selain daripada itu kemasukan peneroka ke dalam rancangan-rancangan tanah adalah juga tertakluk kepada dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan-rancangan itu ditempatkan.

KAMPUCHEA—LAWATAN MENTERI LUAR LAOS

4. **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan ASEAN tentang lawatan Menteri Laos baru-baru ini ke atas cadangan satu persidangan kawasan yang lebih kecil tentang soal-an Kampuchea vis-a-vis resolusi Bangsa-bangsa Bersatu 35/6. Apakah pendapat Malaysia ke atas perkara ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatannya ke Malaysia, Indonesia dan Filipina, Menteri Luar Negeri Laos telah mengulangi semula cadangan yang dibuat di Bandar Raya Ho Chi Minh pada 28hb Januari, 1981 oleh Vietnam, Laos dan regim Heng Samrin. Di persidangan tersebut, negara-negara Indochina telah mencadangkan supaya satu persidangan serantau di antara negara-negara Asia Tenggara hendaklah diadakan untuk menyelesaikan masalah yang berhubung dengan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Walau bagaimanapun, di Persidangan Peringkat Menteri ASEAN baru-baru ini, negara-negara ASEAN juga telah menekankan bahawa konflik Kampuchea merupakan masalah pokok yang mengancam keamanan dan kestabilan Asia Tenggara. Pertikaian di Kampuchea bukanlah sahaja melibatkan negara-negara di rantau ini tetapi juga kuasa-kuasa luar yang mana ianya membuktikan bahawa pertikaian ini merupakan masalah antarabangsa. Oleh itu, persidangan serantau yang dicadangkan tidak dapat menyediakan satu forum yang bersesuaian untuk sebarang perbincangan yang berfaedah yang boleh membawa kepada satu penyelesaian yang berkekalan. Masalah

Kampuchea perlu diselesaikan di Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea yang akan diadakan di New York bulan depan selaras dengan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu 35/6.

Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain tidak sama sekali menolak cadangan mengadakan dialog dan konsultasi di antara negara-negara di rantau ini. Konsultasi dan dialog ini, bukanlah merupakan pengganti (substitute) kepada Persidangan Antarabangsa tersebut.

PERMIT Pemandu TEKSI

5. **Tuan Lee Jong Ki** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah bilangan permit pemandu teksi yang dikeluarkan di seluruh negara sehingga tahun 1980;
- (b) bilangan permit yang dikeluarkan kepada pemilik kereta teksi; dan
- (c) sama ada Kementerian sedar bahawa ada setengah orang yang diberi lebih daripada satu lesen. Kalau sedar, apakah langkah yang sudah diambil untuk menjamin tidak ada seorang pun yang boleh mendapat lebih daripada satu lesen.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan permit teksi yang dikeluarkan di seluruh negara sehingga 1980 adalah 17,404.
- (b) Bermula dari 1-7-1979 sistem Pandu Sendiri telah diperkenalkan dan sehingga Mei, 1981 sebanyak 5,671 permit telah dikeluarkan.
- (c) Memanglah Kementerian saya sedar bahawa ada setengah orang yang diberi lebih daripada satu permit. Pemberian ini adalah mengikut polisi yang lama. Semenjak 1-7-1979 sistem Pandu Sendiri diperkenalkan, pemberian permit hanya dikeluarkan kepada pemandu sendiri. Kekecualian hanyalah diberi kepada kumpulan-kumpulan individu atau syarikat-syarikat yang ingin menjalankan satu

syarikat teksi, terutama sekali gabungan pemandu-pemandu teksi.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu lebih jelas lagi dari Menteri berkenaan iaitu dari jumlah lesen-lesen yang dikeluarkan, apakah peratusannya yang dibawa oleh pemandu sendiri.

Yang kedua, setakat ini berapakah lesen-lesen yang ditarik balik oleh kerana pemandu tidak membawa teksi itu sendiri?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, Kementerian saya setakat ini belumlah dapat angka-angka terakhir oleh kerana angka ini perlu diperolehi daripada Kementerian Pengangkutan yang dahulunya mengelolakan Lembaga ini dan saya harap sedikit masa lagi angka ini akan dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, bagi permit-permit yang dikeluarkan selepas Julai, 1979, saya percaya 100% dibawa sendiri oleh pemandu kecuali pemandu pengganti yang telah diberi pengiktirafan untuk memandu.

Mengenai soalan kedua, setakat ini belum ada yang ditarik balik, kerana tidak memandu sendiri kerana mana-mana yang tidak memandu sendiri itu telah memberi alasan bahawa pemandu itu adalah pemandu pengganti mereka.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Adakah Kerajaan bercadang hendak memberi kursus kepada pemandu teksi kerana mereka ini nampaknya berjalan di jalanraya macam hero, potong memotong, kalau kita bandingkan pemandu teksi di negeri Eropah, bertatertib mengikut landasan dan peraturan. Adakah Kerajaan bercadang memberi kursus kepada pemandu-pemandu teksi kerana satu ketika dahulu pihak pelancungan ada memberi kursus dan kita dapati banyak pemandu-pemandu yang memulang balik barang-barang yang dijumpai kepada tuan yang punya. Adakah Kementerian Perusahaan Awam ini bercadang mengadakan kursus bagi peringkat kebangsaan, negeri dan daerah supaya tiap-tiap pemandu kita mempunyai tatatertib bagi kebaikan negeri ini terutama kepada pelancang-pelancang yang datang dari luar negeri?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang ada kursus-kursus yang diberi tidaklah oleh pihak Kerajaan tetapi oleh pihak-pihak Persatuan Pemandu-pemandu Teksi dan Kereta Sewa. Namun demikian, saya percaya kalau Kerajaan ingin menimbangkan memberi kursus-kursus ini bukanlah diberikan oleh Kementerian Perusahaan Awam tetapi saya percaya lebih sesuai diberikan oleh Kementerian Pengangkutan yang mana di situlah letak kuatkuasa ke atas pengangkutan jalan selepas permit dikeluarkan.

Dato' Haji Ismail bin Hassan: Soalan tambahan. Sekiranya pemegang permit ini atau pemandu yang dapat permit ini meninggal dunia, bolehkah atau tidak permit ini dipindah hakmiliknya kepada isteri, anak atau wakilnya?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang, permit ini tidak boleh dipindah secara automatik kepada warisnya. Namun demikian dari segi pentadbiran dan pelaksanaan memanglah dibenar dipindahmilikkan permit ini selepas pemohon baru itu membuat permohonan dan juga dengan syarat pemohon baru itu membawa teksi itu.

PEMBANGUNAN INDUSTRI DI LUAR BANDAR

6. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan kepada kenyataan bahawa ramai yang berhijrah ke bandar dengan tujuan mencari pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik sama ada Kementerian dapat mempercepatkan pendirian industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar dan ladang-ladang untuk membasmi kemiskinan di bandar-bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan industri-industri ke kawasan-kawasan luar bandar dan kurang maju adalah menjadi salah satu dasar utama yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam pembangunan perindustrian. Di samping untuk mencapai